



" MENCAPAI KEREDHAAN ALLAH DALAM PEKERJAAN "

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ
أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ
أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ .
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ
تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Marilah sama-sama kita tingkatkan ketaqwaan kita kepada Allah dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan jauhi lah segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita semua akan memperolahi keberkatan hidup didunia dan mendapat rahmat dan keampunan-Nya sewaktu di akhirat kelak.

Khutbah pada kali ini mendorong kita untuk berusaha **"MENCAPAI KEREDHAAN ALLAH DALAM PEKERJAAN"**.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Sesungguhnya Islam mewajibkan keatas setiap ummatnya supaya berusaha dan bekerja bagi mendapatkan kurniaan dan kelebihan yang Allah sediakan dimuka bumi samada di daratan mahupun di lautan. Bekerja dan berusha adalah suatu kewajiban kerana ia merupakan tanggungjawab bagi mendapatkan sumber rezeki yang menjadi kelangsungan kepada kehidupan manusia.

Firman Allah SWT dalam surah al-'Araf, ayat 10,

قُلْ
وَلَقَدْ مَكَّنَّاكُمْ فِي الْأَرْضِ وَجَعَلْنَا لَكُمْ فِيهَا مَعِيشَ
قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ

"Dan sesungguhnya kami telah menetapkan kamu (dan memberi kuasa) di bumi, dan Kami jadikan untuk kamu padanya (berbagai jalan) penghidupan (supaya kamu bersyukur, tetapi) amatlah sedikit kamu bersyukur".



Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Bekerja atau beramal adalah suatu bentuk ibadah jika dilaksanakan mengikut aturan yang diperintahkan oleh Allah SWT. Dalam al-Quran Allah SWT merungkaikan beriman dan beramal adalah asas kepada mendapat ganjaran pahala di akhirat selain mendapat habuan untuk menyara kehidupan didunia. Adalah amat penting kepada kita supaya sentiasa mempertingkatkan iman disamping mempergiatkan amal dan usaha mencari rezeki. Kita tidak boleh memperkukuhkan iman dengan meninggalkan amal kebajikan atau sebaliknya memperbanyak amal tanpa menghiraukan kepentingan beriman.

Dari Ibnu Umar RA, bahawa Rasulullah s.a.w bersabda,

لَا يُقْبَلُ إِيمَانٌ بِلَا عَمَلٍ، وَلَا عَمَلٌ بِلَا
إِيمَانٍ.

"Tidak diterima iman tanpa amal dan sebaliknya tidak diterima amalan tanpa iman".
(Riwayat at-Tabrani)

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Islam amat tegas dalam memastikan iman seseorang sentiasa terpelihara hatta dalam perkerjaan untuk mencari rezeki atau nafakah. Seseorang itu tidak harus tenggelam dalam usaha mencari dan mencapai keperluan kehidupan duniawi semata-mata tanpa memikirkan keperluan untuk kehidupan ukhrawi. Bahkan Islam menyeru manusia supaya sentiasa menjaga hubungan baik sesama manusia dan memelihara



hubungan dengan alam sekitar dan bertanggungjawab dalam pekerjaan. Islam melarang manusia membuat kerosakan dimuka bumi yang penuh dengan keindahan kurniaan Allah untuk makhluk sejagat. Sikap mementingkan diri seperti tamak haluba, mengaut keuntungan berlebihan dengan menindas pekerja, melakukan kerosakan kepada alam sekitar walau dengan apa jua alasan adalah dikira sebagai membuat kerosakan yang mana ianya adalah ditegah oleh Allah swt yang menciptanya.

Firman Allah SWT dalam surah al-Qasas ayat 77,

وَأَبْتَغِ فِي مَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ
نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنَ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ
إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفُسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ
الْمُفْسِدِينَ

"Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-Nya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang yang berbuat kerosakan".



Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Islam telah menggariskan prinsip yang jelas berkaitan dengan pekerjaan yang dihitungkan bagi amalan orang yang beriman, Antaranya ialah;

1. Niat dan tujuan kerja itu mestilah untuk beribadah kepada Allah.
2. Kerja yang dilakukan tidak pula bercanggah dengan hukum syarak
3. Pekerjaan yang tidak mendatangkan mudharat kepada diri sendiri, kehidupan makhluk lain dan alam sejagat.
4. Kerja yang dilakukan dengan bersungguh-sungguh
5. Kerja yang dilakukan tidak menghalang seseorang untuk menunaikan ibadah yang diperintahkan Allah.

Justeru, pekerja yang mengutamakan ganjaran pahala selain mahu meraih keridhaan Allah perlu disertakan dengan niat ikhlas kepada Allah semata-mata. Kerja yang dilakukan bukan kerana Allah adalah sia-sia dan hanya mendapat ganjaran duniawi sahaja.

Sabda Rasulullah s.a.w,

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ شَيْءٍ مِّنْ أَمْرِي مَا نَوَىٰ.



"Sesungguhnya setiap pekerjaan itu dilakukan berdasarkan niat. Dan sesungguhnya amalan seseorang itu akan dinilai berdasarkan apa yang diniatkan". (Riwayat Al-Bukhari)

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Selain niat, pekerjaan yang dilakukan hendaklah pekerjaan yang tidak bercanggah dengan perintah syarak. Dewasa ini ramai dikalangan umat Islam yang mengaku bekerja dengan niat kerana Allah, namun kerja yang dilakukan jelas bertentangan dengan syariat Allah seperti bekerja ditempat perjudian, kelab malam, ditempat pengeluaran dan penjualan minuman keras, kerja mengambil upah sebagai pemeras ugut, bekerja sebagai tukang pukul, bekerja ditempat yang terlibat dengan riba, bekerja ditempat urut walaupun berlesen dan seumpamanya. Pekerjaan yang dinyatakan tidak mungkin menjadi ibadah kepada Allah kerana ianya jelas bertentangan dengan tuntutan syarak.

Dalam sebuah hadis, Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud,

"Manusia yang paling rugi pada hari kiamat ialah orang yang menerima upah (rezeki) dari hasil sumber pekerjaan yang haram, yang membawa mereka masuk neraka". (Riwayat al-Tirmidzi)

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Terdapat segolongan pekerja yang berkerja bersungguh-sungguh dengan niat yang baik. Namun pada hakikatnya mereka juga dikira rugi kerana tertipu dengan hasutan syaitan apabila dalam masa bekerja sanggup menerima rasuah dan penyalahgunaan kuasa, mengadu domba sesama pekerja, meniupkan perasaan hasad dengki dan pelbagai sifat mazmumah. Tidak kurang juga yang dapat menunaikan tanggungjawab



sebagai pekerja dengan cemerlang namun gagal dalam memelihara tuntutan syarak yang lebih utama iaitu menunaikan solat lima waktu, menjaga aurat berpakaian serta memelihara batas-batas pergaulan antara lelaki dengan wanita di tempat kerja. Mereka yang demikian berangan-angan untuk mendapat pahala dalam pekerjaan tetapi hakikatnya mereka tertipu dengan angan-angan kosong.

Allah SWT berfirman dalam surah Hud ayat 15,

مَنْ كَانَ يُرِيدُ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا وَزِينَتَهَا نُوفٍ إِلَيْهِمْ
أَعْمَلَهُمْ فِيهَا وَهُمْ فِيهَا لَا يُبْخَسُونَ ﴿١٥﴾

"Sesiapa yang keadaan usahanya semata-mata berkehendakkan kehidupan dunia dan perhiasannya (dengan tidak disaksikan sama oleh al-Quran tentang sah batalnya), maka Kami akan sempurnakan hasil usaha mereka di dunia, dan mereka tidak dikurangkan sedikitpun padanya".

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Satu hakikat yang tidak dinafikan oleh kita semua bahawa apa jua pekerjaan yang baik mengikut hukum syarak yang dilakukan akan dinilai oleh Allah SWT sebagai kebaikan yang dijanjikan dan akan menerima balasan yang baik jua daripada Allah. Sebaliknya apa jua amalan atau kerja yang dilakukan bertentangan dengan hukum syarak akan mendapat balasan azab seksaan dari Allah , demikianlah janji-Nya. Oleh itu kita semua adalah bertanggungjawab di hadapan Allah dan akan dihitung segala amalan dan pekerjaan yang dilakukan didunia yang fana ini.



Oleh itu marilah kita berusaha untuk memastikan segala amalan dan pekerjaan yang kita lakukan benar-benar mengikut hukum syarak dan layak mendapat ganjaran yang dijanjikan oleh Allah, mendapat keampunan dan keredhaan-Nya di akhirat kelak.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ
وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا
كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٠٥﴾

"Dan katakanlah (wahai Muhammad): "Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan Rasul-Nya serta orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kedian Ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan".

(At-Taubah : 105)



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا
مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ،
اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ
اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ
ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ
اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ
سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى
أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ
وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ
سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس
شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ



عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعَوْنَ
وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ،
لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَكُّو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ
السُّلْطَانِ شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه الحاج فِي
أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا
ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمَرَهُمَا
مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakikan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang



Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu dan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau wajibkan. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan tuntutan berzakat, menyayangi fakir dan miskin. Sucikanlah harta dan jiwa mereka, lindungilah golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Demikian jua Ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.